

NO. SOALAN: 443

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

RUJUKAN : 8042

SOALAN:

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan taburan kualifikasi akademik (mengikut peratusan) 21,432 pekerja Bangladesh yang diberi pas pekerja pada tahun 2014. Nyatakan taburan (peratusan) sektor pekerjaan pekerja-pekerja tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jumlah sebenar warganegara Bangladesh yang mempunyai Pas Penggajian aktif bagi tahun 2014 adalah seramai 21,302 orang iaitu Pas Penggajian Kategori I seramai 8,632 orang dan Pas Penggajian Kategori II seramai 12,670 orang.

Kategori I Pas Penggajian merangkumi dua kumpulan jawatan iaitu Pengurusan Tertinggi (*Key Post*) dan Eksekutif yang mempunyai gaji asas sekurang-kurangnya RM5,000 dengan tempoh kontrak 2 tahun dan ke atas. Manakala Kategori II terdiri daripada kumpulan jawatan Pekerja Mahir yang bergaji sekurang-kurangnya RM2,500 dengan tempoh kontrak kurang dari 2 tahun.

Pengurusan Tertinggi (*Key Post*) merupakan jawatan Pengurusan Peringkat Tertinggi di syarikat. Jawatan ini diperlukan untuk menjaga kepentingan pelaburan syarikat di negara ini. Selain itu, penyandang jawatan tersebut terlibat dalam menentukan polisi dan hala tuju syarikat serta tertakluk pada syarat modal berbayar. Contoh jawatan adalah *Chairman, Managing Director, Chief Executive Officer, General Manager* dan *Technical Director*.

Eksekutif merupakan jawatan bidang Pengurusan Peringkat Pertengahan/ Profesional. Bagi penyandangan jawatan ini memerlukan kelayakan seperti ijazah peringkat PhD, sarjana atau sarjana muda, pengalaman dan kemahiran praktikal bidang berkaitan. Disamping itu, penyandang bertanggungjawab melaksanakan polisi syarikat serta pengawasan kakitangan bawahan. Contoh jawatan seperti *Quantity Surveyor, Marketing Manager, Production Manager, Engineer, Arkitek, Doktor dan Pensyarah.*

Pekerja Mahir pula merupakan jawatan yang memerlukan kemahiran tinggi. Penyandang jawatan memerlukan pengalaman dan kemahiran teknikal serta memiliki sijil/ diploma berkaitan. Contoh jawatan seperti *Welder Specialist, Mould Maker, Machinist, Technician Designer, Assistant Engineer, Pipe Fitter, Tool & Die Maker.*

Statistik Pegawai Dagang dikategorikan mengikut 14 sektor utama iaitu sektor Pembinaan, Pendidikan, Teknologi Maklumat, Kewangan, Perubatan, Pertanian, Pembuatan, Pelancongan, Perdagangan, Pengangkutan, Perkhidmatan, Perlombongan, Petroleum dan Sukan.

Peratusan pekerja warganegara Bangladesh mengikut sektor adalah seperti berikut:

| | |
|-------------------------------------|----------------------------|
| 1. Sektor Pembuatan | – 6,924 orang (33%) |
| 2. Sektor Pembinaan | – 6,828 orang (32%) |
| 3. Sektor Perkhidmatan | – 6,150 orang (29%) |
| 4. Sektor Pendidikan | – 378 orang (2%) |
| 5. Sektor Perlombongan | – 317 orang (1%) |
| 6. Sektor Perdagangan | – 299 orang (1%) |
| 7. Sektor Teknologi Maklumat | – 226 orang (1%) |
| 8. Sektor Pelancongan | – 75 orang (0.4%) |
| 9. Sektor Petroleum | – 50 orang (0.2%) |
| 10. Sektor Pertanian | – 32 orang (0.15%) |
| 11. Sektor Kewangan | – 11 orang (0.1%) |
| 12. Sektor Perubatan | – 6 orang (0.03%) |
| 13. Sektor Pengangkutan | – 5 orang (0.02%) |
| 14. Sektor Sukan | – 1 orang (0.005%) |